

07/09/1999

Nik Aziz minta `jasa baik' Ku Li

KOTA BHARU, Isnin - Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata beliau menghargai jasa mana-mana individu atau pihak yang sanggup memberi sumbangan demi kesejahteraan rakyat negeri ini, termasuk Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah.

Sehubungan itu, beliau bersetuju dengan saranan setiausaha politiknya, Husam Musa, supaya Tengku Razaleigh menggunakan `jasa baiknya' untuk mempengaruhi Kerajaan Pusat melupuskan baki hutang Kerajaan Pas Kelantan yang berjumlah RM550 juta.

"Saya menghargai siapa saja yang berjasa kepada rakyat (Kelantan), memang kita hargai kerana ini bukan soal parti (politik).

"Kita lawan parti ni bukan lawan body (tubuh), bukan Tengku Razaleigh lawan Nik Aziz, bukan... tapi lawan dasar.

"Kalau dia (Tengku Razaleigh) boleh yakinkan Kerajaan Pusat untuk hapus kira hutang kerajaan negeri, maka beliau boleh menganggap kejayaan itu sebagai sumbangan untuk negerinya sendiri," katanya ketika ditemui di Kota Darulnaim di sini, hari ini.

Semalam, Husam dilaporkan sebagai berkata, Tengku Razaleigh boleh memanfaatkan hubungan baiknya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi membincangkan soal menghapuskan baki hutang kerajaan Pas Kelantan yang berjumlah RM550 juta.

(END)